

Menjelang pilihanraya kecil kawasan kepayang

UMMAH BARU BARU

BAGI MCA

Bahan asal dari Artikel
Negara Malaysia

Oleh
SYED YAHYA HUSSEIN

DAP cuba menebus maruah lepas kalah teruk dan MCA mahu membuktikan ia mampu menarik pengundi Cina di bandar

PILIHANRAYA kecil Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Kepayang pada 16 Oktober ini boleh dianggap sebagai satu ujian terbesar untuk mengukur kekuatan parti-parti yang bertanding selepas pilihanraya umum April lalu.

Parti Tindakan Demokrat (DAP) yang menguasai kawasan tersebut sejak tahun 1974 bermati-matian cuba mempertahankan kawasan yang dikenali sebagai kubu kuatnya itu bukan sahaja untuk memperbaiki imejnya akibat krisis kopim-pinan yang meluluhlakan baru-baru ini, tetapi juga menebus maruah akibat kekalahan teruk April lalu.

Bagi MCA pula yang mewakili Barisan Nasional dalam pertaruhan pilihanraya itu, menentukan kemenangan bukan sahaja merupakan amaran yang mesti dipikul secara bersungguh-sungguh untuk membanjir jumlah kerusi Barisan Nasional dalam Dewan Undangan Negeri tetapi juga satu usaha membuktikan kemampuan dakwaan kononnya ia sudah mampu menarik dampati pengundi-pengundi Cina dalam kawasan-kawasan bandar

berdasarkan kepada keputusan-keputusan pilihanraya umum lalu. Ditinjau dari perspektif ini, adalah jelas bahawa keghairahan yang ditunjukkan oleh kedua-dua pihak dalam merebut kerusi tersebut merupakan sesuatu yang memang diduga.

Kempen hebat yang sedang berjalan sekarang sama ada melalui poster, dari rumah atau mah ke rumah atau melalui ceramah dengan sendirinya menjadikan perarungan itu begitu sengit dan menarik.

Para pemerhati politik di sini berpendapat bahawa pilihanraya kecil ini menarik perhatian bukan sahaja tokoh-tokoh politik setempat tetapi juga di seluruh negara.

Mencabar

Kedua-dua parti yang bertanding DAP dan MCA — pasti teraluri diri tentang persembahan mereka. Itulah sebabnya, DAP meletakkan seorang tokoh veterannya untuk mempertahankan Kepayang yang dikongsi oleh Enick Lim Cho Hock awal bulan lalu.

Enick Lim yang meletakkan kesemua jawatannya dalam

parti sebelum mengosongkan kerusi tersebut akoran krisis berpunca dari prestasi buruk parti itu dalam pilihanraya lalu, dikatakan pernah mencabar tidak akan memberi sokongan sekiranya orang yang tidak diukainya dicalonkan untuk pilihanraya kecil itu.

Dalam hubungan ini, pemimpin-pemimpin DAP mengantungi penuh harapan kepada calon mereka, Enick Lau Dak Kee, 40, Pengerusi DAP Perak yang juga anggota jawatannya kerja pusat parti.

Enick Lau dikira seorang orang yang berkecual dalam DAP dan tidak terlibat dalam pergolangan politik dalam parti di Perak baru-baru ini.

Pencalonannya diharap mendapat sokongan dari bekas anggota yang terhormat di situ, Enick Lim Cho Hock serta

pengikut-pengikut beliau. Sokongan Enick Lim dalam hal ini penting bagi DAP kerana kemenangan beliau dalam pilihanraya April lalu dikatakan dicapai melalui sokongan peribadi terhadapnya dan bukan kerana pengaruh parti itu.

Setiausaha Agung DAP, Enick Lim Kit Siang sendiri mengakui bahawa perpaduan dan kerjasama erat dari seluruh pemimpin dan anggota parti itu "di saat-saat genting" ini adalah penting untuk memberi nafas baru kepada parti.

Beliau juga mengakui bahawa pilihanraya kecil Kepong yang merupakan "langkah pertama dalam usaha membina semula" DAP sebagai sebuah parti pembangkang yang terkuat di Perak.

Dalam pilihanraya umum lalu, parti itu

kehilangan kesemua empat kerusi Parlimen yang dikuasainya sejak tahun 1974, lalu Ipoh, Menglembu, Batu Gajah dan Beruas.

Di samping itu, enam lagi dari sembilan kerusi Dewan Undangan Negeri yang di kuasai oleh parti tersebut sebelum itu — Pasir Putih, Kuala Pari, Gopeng, Kampar, Kolian Fauz dan Guntung — juga dirampas oleh calon-calon Barisan Nasional.

Keseluruhannya, DAP cuma dapat mempertahankan Pasir Badamar dan Pantai Remis di samping Kepayang dan merampas Pangkur dari Barisan Nasional.

Bagi kawasan Kepayang sendiri, Enick Lim yang sudah mengalahkannya walaupun terdedah, Enick Lim Kam Wah dari PPP dalam pertandingan tiga penjur dengan seorang lagi calon bebas cuma men-

dapatmajoriti yang kecil.

Keputusan penuh telah Enick Lim Cho Hock mendapat 13,614 undi, Enick Lam Kam Wah 14,483 dan calon bebas Enick Leong Wai Man memperolehinya hanya 735 undi serta hilang dengan pertuarhan.

Kali ini, keadaan sudah banyak berbeza. MCA percaya beliau yang berpendidikan Cina akan mendapat sokongan kuat para pengundi yang kebanyakannya terdiri daripada pekerja-pekerja buruh dan pegawai-pegawai kerajaan.

Kawasan Kepayang terletak dalam kawasan pilihanraya Parlimen Ipoh yang kini dikuasai oleh Barisan Nasional. Satu lagi kerusi negeri yang terletak dalam kawasan ini adalah kerusi Melayu yang ditandingi oleh Barisan Nasional.

Mencemaskan

Mereka berkata kemungkinan para pengundi Kepayang seramai 38,815 orang yang majoriti 35,000 orang (pengundi Melayu cuma seramai 1,600 orang dan India serta lain 1,300) terdiri daripada keturunan Cina akan terus berkah anti-kerajaan memang tidak boleh ditolak.

Dilihat dari sudut ini, MCA mungkin berada dalam kedudukan yang serba mencemaskan. Calon MCA yang

ditugaskan untuk memikul beban mempuaskan DAP itu, Enick Ng Yok Kool akan terus melanda kali ini merupakan sesuatu yang dinantikan oleh para pemerhati politik tempatan.

Bagi MCA tentunya, Bagi MCA tentunya, dari laporan-laporan tidak faham mengenai pertaruhan bersendirinya kerana Gerakan dan PPP yang masing-masing mahukan kerusi itu difahamkan tidak begitu berminat untuk menoleng.

Sokongan UMNO dalam hubungan ini, meskipun tidak diragukan, adalah tidak penting memandangkan kecilnya bilangan pengundi Melayu yang ada di situ.

Dalam keadaan begitu, MCA sudah pun kekurangan — lalu gelombang 2M yang dalam seluruh pelokok negara dalam pilihanraya umum April lalu.

Perbeza dengan dakwaan para pemimpin MCA, pengulas politik berpendapat bahawa gelombang itulah yang merupakan "faktor" utama kepada kemenangan Barisan Nasional, sama ada dari UMO, Gerakan, MCA dan lain-lain dalam pilihanraya umum lalu. — Bernama.